

Sejarah Zaman Darurat 1948-1960 : Satu Kajian Bibliografi Beranotasi.

Oleh
Tiew, Wai Sin
Penyelaras Pusat Sumber Sekolah,
Sekolah Menengah Kebangsaan Hulu Kelang,
Km7, Jalan Ulu Kelang,
68000 Ampang,
Selangor DE.
E-mel: wstiew@hotmail.com

Abstrak

Menyenaraikan koleksi 97 bahan cetak seperti buku, monograf, mimeografi, latihan ilmiah, novel, salinan makalah termasuk keratan surat khabar, risalah dan dokumen kerajaan serta bahan-bahan bukan cetak seperti rakaman video, mikrofis dan mikrofilem tentang sejarah zaman Darurat di Tanah Melayu antara tahun 1948- 1960 di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya yang merangkumi koleksi Perpustakaan Peringatan Za'ba (PPZ) dan Bahagian Tanda Merah (RS). Bibliografi disenaraikan mengikut kategori bahan buku, majalah dan jurnal, suratkhabar, latihan ilmiah dan lain-lain.

Pengenalan : Sejarah zaman Darurat di Tanah Melayu 1948 - 1960

Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu telah mengisytiharkan Darurat di seluruh Tanah Melayu pada 19 Jun 1948 untuk menghadapi ancaman komunis yang telah menggugat keselamatan awam di Tanah Melayu. Keganasan Parti Komunis Malaya (PKM) yang semakin dahsyat terutamanya pada tiga hari sebelumnya iaitu pembunuhan tiga orang pengurus ladang getah berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak memaksa kerajaan bertindak dengan segera untuk mengatasi pemberontakan bersenjata PKM.

Zaman Darurat (1948-1960) merupakan satu titik hitam dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu kerana berlakunya perperangan terbuka antara pihak kerajaan dengan Parti Komunis Malaya yang turut melibatkan semua lapisan rakyat Tanah Melayu. Dalam tempoh sepanjang dua belas tahun tersebut, kerajaan Tanah Melayu telah mengatur pelbagai strategi dan langkah-langkah untuk menghapuskan pemberontakan bersenjata oleh komunis. Zaman Darurat telah diisyiharkan tamat secara rasminya oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Julai 1960. Namun demikian, ancaman PKM masih wujud dan berterusan di sempadan negara Thai-Malaysia tetapi kekuatannya adalah terhad. Tambahan pula, angkatan bersenjata Malaysia dan pasukan keselamatan telah berjaya menyekat perkembangan dan propaganda PKM. Dengan itu, PKM tidak lagi menjadi ancaman utama kepada keselamatan Tanah Melayu. Seterusnya, pada 2 Disember 1989, PKM telah menandatangani perjanjian perdamaian dengan kerajaan Malaysia di Haadyai, Thailand. Dengan itu, perjuangan PKM untuk mendirikan sebuah kerajaan komunis di Malaysia secara rasminya pun berakhir.

Dewasa ini, banyak penyelidikan dan kajian telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan para sarjana luar negara tentang zaman Darurat di Tanah Melayu. Menurut Prof. Datuk Khoo Kay Kim dan Ranjit Singh Malhi, kebanyakan kajian mengenai zaman Darurat adalah bertumpukan kepada kegiatan militan PKM selepas Perang Dunia II serta langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membanteras keganasan PKM terutamanya rancangan Briggs. Tambah beliau lagi, kajian-kajian tersebut juga lebih memberi tumpuan kepada tahun-tahun selepas 1945. Namun demikian, kebelakangan ini, terdapat beberapa tokoh sejarawan telah memberi focus kepada perkembangan social ketika zaman Darurat.¹ Menurut mereka lagi, walaupun zaman darurat merupakan satu episod hitam dalam sejarah Malaysia, namun demikian, pada zaman Darurat juga mempunyai kegemilangannya terutamanya dalam pencapaian sukan tanahair. Misalnya, pada tahun 1949 negara kita telah berjaya

memenangi Piala Thomas dalam sukan badminton.² Walau bagaimanapun, yang menyediakan ialah adanya di kalangan generasi muda hari ini, terutamanya anak bangsa tanahair yang dilahirkan selepas penubuhan Malaysia, 1963 yang tidak terlibat secara langsung dalam zaman Darurat hanya mempunyai ide kabur tentang peristiwa pahit dan penting tersebut. Justeru itu, tanggapan dan persepsi generasi muda tersebut tentang sejarah perkembangan zaman Darurat amatlah cetek kerana mereka hanya mempelajari zaman darurat ketika di sekolah menengah rendah dan tingkatan enam sahaja. Oleh itu, kebanyakannya daripada mereka akan lupa pengetahuan tentang sejarah zaman Darurat yang sudah berlaku lebih daripada 50 tahun dahulu terutama setelah meninggalkan bangku sekolah. Kini, negara kita akan menyambut hari kemerdekaannya yang ke 45 tetapi malangnya ramai generasi muda masih tidak mempunyai banyak pengetahuan tentang pengorbanan wira-wira tanahair, terutamanya anggota-anggota tentera, pasukan polis hutan, pasukan renjer dan pasukan polis dalam menangani ancaman komunis. Sejarah zaman Darurat memang merupakan satu episod bersejarah yang amat penting kepada negara kita, Malaysia yang mampu memberi beberapa pengajaran dan iktibar yang perlu disedari untuk terus maju ke hadapan.

Oleh itu, langkah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dalam memperkenalkan satu kursus khas tentang zaman Darurat di Malaysia memang merupakan satu tindakan yang bijak dan wajar untuk menarik semula minat para pelajar terutamanya pelajar-pelajar sejarah untuk mempelajari dengan panjang lebar sejarah perkembangan zaman tersebut. Kursus AEEA3333 Darurat di Malaysia adalah dibawah kelolaan Profesor Dr. Abdullah Zakaria, bekas Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dan Cik Ho Hui Ling, pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Kursus ini telah diperkenalkan sejak tahun akademik 2001/2002 dan hanya terbuka kepada pelajar-pelajar Tahun 3 yang mengambil bidang sejarah sebagai mata pelajaran “major” atau “minor”.³ Dengan itu, pelajar-pelajar sejarah tanahair akan mendapat peluang untuk mendalami perkembangan peristiwa Darurat di Malaysia.

Menurut kajian literatur, sehingga hari ini hanya terdapat satu bibliografi tentang sejarah zaman Darurat yang telah di susun oleh Perpustakaan Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan Malaysia sempena ulang tahun pertama penubuhan Muzium Angkatan Tentera. Bibliografi tersebut yang bertajuk “Bibliografi Darurat 1948-1960” dikeluarkan pada tahun 1984 tetapi memandangkan sambutan yang menggalakkan ia telah di ulang cetak pada tahun yang sama dengan tambahan beberapa judul. Bibliografi darurat ini mengandungi dua bahagian yang memuatkan 193 entri yang merangkumi pelbagai bentuk bahan seperti buku, tesis, artikel-artikel dari majalah yang disusunkan dalam Bahagian Pertama (169 entri) dan terbitan-terbitan kerajaan diletakkan dalam Bahagian Kedua (24 entri). Penyusunan entri adalah mengikut nama pengarang atau tajuk manakala untuk bahan-bahan terbitan bersiri maklumat mengenai judul majalah, jilid, muka surat serta tahun telah diberikan. Seterusnya, pada penghujung setiap entri diberikan ringkasan nama institusi-institusi dimana bahan boleh dirujuk untuk maklumat tambahan. Dalam menyusun bibliografi darurat ini, Perpustakaan Angkatan Tentera telah mendapat kerjasama dari beberapa institusi lain antaranya Arkib Negera Malaysia, Perpustakaan Maktab Tentera Di Raja, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Walau bagaimanapun, setelah di kaji dengan terperinci didapati lebih daripada satu pertiga entri (lebih daripada 60 judul) adalah bahan-bahan

yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan sejarah zaman darurat 1948-1960. Ini kerana ada entri yang menceritakan tentang sejarah darurat yang berlaku diluar jangkasama tahun 1948 hingga 1960. Misalnya entri-entri “Akta kuasa-kuasa darurat Kelantan” dan “Ucapan penuh Datuk Asri semasa menentang Rang Undang-undang Darurat di Dewan Rakyat” adalah berkaitan dengan darurat di negeri Kelantan selepas tahun-tahun 1948-1960. Dalam pada itu, didapati juga ada banyak entri yang merupakan sejarah umum tentang sejarah Malaysia, antaranya ialah “A Short History of Malaya” oleh G. P. Dartford, “History of Malaya 1400-1952” karya Joginder Singh Jesse, “A Short History of Malaysia” oleh Harry Miller, “A History of Modern Malaysia” yang ditulis oleh T. G. Tregonning dan lain-lain lagi. Seterusnya, ada juga entri yang hanya menyentuh sepintas lalu tentang sejarah perkembangan dunia komunis atau zaman darurat misalnya buku “The Birth of Communist China” oleh C. P. Fitzgerald, “Hari Ini Dalam Sejarah” terbitan Arkib Negara Malaysia, “Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu” karya Ibrahim Mahmood, “Politics and Government in Malaysia” oleh R. S. Milne, “Bandung in the early revolution” karya J. R. W. Smail dan lain-lain lagi. Namun demikian, penyusunan bibliografi darurat ini merupakan satu usaha yang baik untuk mengumpulkan maklumat mengenai sejarah darurat yang terdapat di dalam koleksi Perpustakaan Angkatan Tentera dan beberapa buah institusi pengajian tinggi di Malaysia.⁴

Tujuan Bibliografi Beranotasi

Bibliografi beranotasi ini bertujuan untuk menyenaraikan bahan-bahan cetak seperti buku, monograf, mimeograf, latihan ilmiah, novel, salinan makalah termasuk keratan surat khabar, risalah dan dokumen kerajaan serta bahan-bahan bukan cetak termasuk rakaman video, mikrofis dan mikrofilem tentang sejarah zaman Darurat di Tanah Melayu antara tahun 1948 - 1960 yang terdapat dalam koleksi di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya (PU) termasuk yang tersimpan dalam Perpustakaan Peringatan Za’ba (PPZ) dan Bahagian Tanda Merah (RS). Pada keseluruhannya, sebanyak 97 bahan telah dapat dikesan. Namun demikian, usaha penyediaan bibliografi ini bukanlah satu senyaraian yang menyeluruh tentang sumber-sumber maklumat tentang zaman Darurat di Tanah Melayu kerana hanya bahan-bahan dalam Bahasa Melayu (rumi dan jawi) dan Bahasa Inggeris yang diambil kira untuk kajian ini. Bahan-bahan lain dalam Bahasa Cina dan bahasa-bahasa asing tidak diambil kira.

Pada keseluruhannya, daripada 97 bahan yang dapat dikesan, kebanyakannya kurang menonjolkan sumber-sumber yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Ini memandangkan kebanyakan tulisan tentang zaman darurat adalah hasil penyelidikan dan kajian penulis-penulis asing yang lebih berbanding dengan penulis-penulis tempatan. Oleh yang demikian adalah tidak menghairankan, kebanyakan bahan yang disenaraikan telah ditulis dalam Bahasa Inggeris. Namun demikian, beberapa tahun belakangan ini telah wujud tulisan-tulisan dalam Bahasa Melayu yang diusahakan oleh pengkaji-pengkaji sejarah tempatan seperti yang dapat dijejak melalui bibliografi beranotasi ini. Seterusnya, diharapkan bibliografi ini dapat mempermudahkan dan mempercepatkan usaha peminat-peminat sejarah zaman darurat untuk mencari maklumat tentang tajuk berkenaan.

Dari segi penyusunan, bibliografi ini disenaraikan menggunakan abjad iaitu mengikut nama pengarang mengikut jenis bahan iaitu bahan buku, makalah dan jurnal,

suratkhabar, latihan ilmiah dan lain-lain. Untuk bahan-bahan yang tiada pengarang, judulnya akan digunakan bagi memudahkan penyusunan bibliografi. Dari segi medan maklumat (information fields), bahan-bahan akan disusun berlandaskan nama pengarang, judul bahan (diitalikkan), tempat penerbitan, penerbit dan tahun penerbitan. Seterusnya, disediakan anotasi untuk entri-entri terpilih. Stail bibliografi yang digunakan ialah Turabian. Penempatan entri dan nombor panggilan semua bahan yang disenaraikan akan diberi dalam kurungan menunjukkan bahan tersebut boleh didapati sama ada di Perpustakaan Utama (PU), Perpustakaan Peringatan Za'ba (PPZ) atau Bahagian Tanda Merah (RS), Perpustakaan Utama Universiti Malaya.

Bibliografi Beranotasi Sejarah Zaman Darurat di Tanah Melayu 1948-60

Buku-buku

1. Andrew, Herbert. *Who Won the Malayan Emergency?* Singapore : Graham Brash, 1995. [DS596.5 And / PPZ / PU]

Sebuah buku yang dikarang oleh seorang bekas pegawai polis yang berpangkat Leftenan tentang cara-cara mengatasi masalah dan rintangan yang berbahaya dalam menentang komunis di hutan.

2. Archer, Alex L. *The Way It Was*. Kuala Lumpur : United Selangor Press, 1984. [D811.5 Arc / PU / PPZ]

3. Barber, Noel, 1909 -. *The War of the Running Dogs : The Malayan Emergency : How Malaya Defeated the Communist Guerrillas 1948 - 1960*. New York : Weybright and Talley, [1972]. [DS596.5 Bar / PU / PPZ]

Menghuraikan sejarah penentangan komunis melalui penelitian peranan yang dimainkan oleh mereka yang terlibat sama ada orang kerajaan, orang awam atau orang komunis dan bagimana mereka berjaya atau gagal dalam mengatasi zaman Darurat itu.

4. Boddye, E. T. *Malayan Patrol*. Durham : The Pentland Press, 1993. [PR5149 B66M / PU / PPZ]

Menceritakan tentang pengalaman seorang “National Service Officer” yang berkhidmat dengan Tentera British dan platunnya telah menempuh kejayaan dan kegagalan dalam kempen penentangan komunis di hutan Tanah Melayu. Mereka telah mengalami kejadian-kejadian yang menyedihkan dan ngeri di samping terpaksa bertahan dan tidak beraksi untuk beberapa jangka masa yang panjang.

5. Brimmell, Jack Henry. *A Short History of the Malayan Communist Party*. Singapore : D. Moore, 1956. [DS596.5 Bri / RS / PU]

6. Campbell, Arthur. *Jungle Green*. 4th impression. London : Allen and Unwin, 1963. [DS592 Cam / PU / PPZ]

Ditulis oleh penulis, seorang bekas pegawai tentera Rejimen Suffolk, dalam kempennya menentang gerila komunis dengan menumpukan kehidupan yang penuh dengan pelbagai cabaran dan rintangan di hutan belantara Malaya.

7. Cheah Boon Kheng. *The Masked Comrades : A Study of the Communist United Front in Malaya, 1945 -48*. Singapore : Times Books International, 1979. [DS596.5 Che / RS]

8. -----, *Komrad Bertopeng : Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu 1945 - 48*. Terjemahan Hj. Zubir Ismail. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982. [DS596.5 Che / PU / PPZ / RS]
Menceritakan tentang sejarah asal-usul pemberontakan PKM dalam bulan Jun 1948 dan sejarah PKM dengan penghuraian lanjut tentang beberapa barisan depannya melalui kajian dan penelitian tokoh-tokoh yang terlibat, cara mereka bekerja, sebab-sebab mereka bekerja dengan komunis, latar belakang peribadi mereka serta bidang konflik dan kerjasama antara organisasi.
9. Chin, Aloysius. *The Communist Party of Malaya : The Inside Story*. Kuala Lumpur : Vinpress Sdn. Bhd., 1994. [DS597 Chi / PU / PPZ]
Memperkatakan sejarah permulaan dan tamatnya perjuangan PKM di Tanah Melayu dengan huraian yang mendedahkan taktik-taktik yang digunakan komunis ketika zaman Darurat dan selepasnya dalam usaha mereka untuk menggulingkan kerajaan. Peranan dan pengalaman penulis sebagai pegawai Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia serta penglibatan secara langsung dalam operasi-operasi menentang gerila-gerila komunis menjadikan buku ini satu kajian komprehensif untuk dirujuk tentang sejarah perjuangan komunis dan zaman Darurat di Tanah Melayu 1948 - 1960.
10. Cleaveland, Norman. *Bang! Bang! in Ampang : Dredging Tin During Malaya's 'Emergency'*. San Pedro : Symcon Publishing Company, 1973.
[HD9539 T6M3623 / PU / PPZ]
Menceritakan pengalaman dan penglibatan seorang pelombong Amerika dalam zaman Darurat di Tanah Melayu. Oleh sebab lombong-lombong bijih timah sentiasa menjadi sasaran komunis, penulis selaku pengurus besar Pacific Tin Consolidated Corp. bersama-sama dengan pelombong-pelombong lain telah bersatu dan berusaha mempertahankan nyawa dan harta-benda mereka daripada ancaman komunis antara tahun-tahun 1948 – 1954.
11. Cloake, John. *Templer, Tiger of Malaya : The Life of Field Marshal Sir Gerald Templer*. London : Harrap, 1985. [DS597.15 T28Clo / PU]
12. Clutterbuck, Richard L. *The Long, Long War : The Emergency in Malaya 1948 - 1960*. London : Cassell, 1967. [DS596.5 Clu / PU / PPZ]
Menghuraikan kejayaan kerajaan Tanah Melayu dalam usahanya menghapuskan komunis di hutan-hutan Tanah Melayu dengan memberi tumpuan kepada pelbagai langkah berbentuk pertahanan yang mampu menghalang komunis dan memastikan pemberontakan komunis tidak meluas serta terkawal, langkah-langkah penyerangan di mana kekuatan memberontak dan bertindak PKM dipertahankan serta dikurangkan untuk melumpuhkannya dan akhir sekali langkah memburu dan mengesan saki-baki komunis bagi mewujudkan kemenangan yang nyata.
13. -----, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya, 1945 - 1963*. London : Faber, 1973. [DS597 Clu / PU / RS]
Menghuraikan tentang evolusi perjuangan “urban revolution” yang digerakkan melalui Parti Komunis Malaya dan cara-cara perjuangan mereka ketika zaman Darurat.

14. -----. *Conflict and Violence in Singapore and Malaysia , 1945 - 1983*. Rev., updated and enlarged ed. of *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945 -1963*. Singapore : Graham Brash, 1984. [DS596 Clu / PU / PPZ]
Mengkaji taktik-taktik yang digunakan PKM untuk menjalin hubungan antara pihak revolucioner dan orang awam serta bagaimana pihak polis mempergunakan hubungan jalinan ini untuk menjatuhkan PKM sendiri melalui perisikannya. Juga memperlihatkan perkembangan di Malaysia dan di Singapura selepas pemberontakan bersenjata komunis.
15. Coates, John, 1932 - .*Suppressing Insurgency : An Analysis of the Malayan Emergency, 1948 - 1954*. Studies in Regional Security. Boulder : Westview Press, 1992. [DS597 Coa / PPZ]
16. Colin Nicholas, Anthony and Tiah Sabak. *Orang Asli in the News : the Emergency Years 1950-1958*. Kuala Lumpur : Center for Orang Asli Concerns,1989. [fDS595.2 O73Ora / PPZ]
17. Crawford, Oliver. *The Door Marked Malaya*. London : R. Hart-Davies, 1958. [DS596 Cra / PU]
Menceritakan pengalaman penulis sebagai seorang pegawai tentera dalam Batalian Pertama Somerset Light Infantry antara tahun-tahun 1954-1955 di Tanah Melayu yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti membentras pengganas-pengganas komunis yang melancarkan pemberontakan bersenjata.
18. Crockett, Anthony. *The Perimeter Fence*. London : R. Hale, 1957. [PR6005 R79P / PU]
Merupakan sebuah novel berlatarbelakangkan keadaan zaman darurat yang mencemaskan di Tanah Melayu.
19. Cross, John P. *Jungle Warfare : Experiences and Encounter*. London : Guild Publishing, 1989. [U167.5 J8Cro / PPZ]
20. Dennis, Peter dan Jeffrey Grey. *Emergency and Confrontation : Australian Military Operations in Malaya and Borneo 1950-1966*. New South Wales : Allen and Unwin in association ith the Australian War Memorial, 1996. [DS597 Den / PU /PPZ]
Menjelaskan peranan aktif yang dimainkan tentera Australia ketika zaman Darurat (1948-1960) dan Konfrontasi (1962-1966) dengan merujuk kepada rekod-rekod yang tersimpan di Australia dan Great Britain.
21. Gwee, Hock Aun. *The Emergency in Malaya*. Pulau Pinang : Sinaran, 1966. [DS596.5 Gwe / PU / RS]
Memberi satu pengenalan kepada asal-usul, perkembangan, kesan dan tamatnya perang yang paling rumit, kompleks dan mahal yang melibatkan tentera British, orang Tanah Melayu, asakar-askar Gurkha, pasukan-pasukan keselamatan Komanwel, Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu dan kerajaan Tanah Melayu. Zaman Darurat sememangnya perang antara orang kebanyakan yang sukakan keamanan dengan pengganas-pengganas komunis yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.

22. Hanrahan, Gene Z. *The Communist Struggle in Malaya*. With an Introduction by Victor Purcell and Postscript by Sir Robert Thompson. New York : International Secretariat Institute of Pacific Relations, 1954.[DS596 Han PU / PPZ]
- Membincangkan strategi-strategi dan taktik-taktik yang digunakan PKM dalam perjuangannya di Tanah Melayu dengan melihat sejarah asal-usul komunisme di Tanah Melayu, kegiatan-kegiatannya semasa Perang Dunia Kedua, perjuangan revolusioner selepas perang 1924 - 1943. Tumpuan khas diberikan kepada doktrin -doktrin revolusioner dan kebiasaan PKM antaranya pemberontakan bersenjata, teknik revolusioner, keterlibatan dalam kesatuan sekerja dan perang gerila.
23. Henniker, Mark Chandos. *Red Shadow over Malaya*. Foreword by Sir John Harding. Edinburgh : W. Blackwood, 1955. [DS596 Hen / PU / PPZ]
24. Heussler, Robert. *British Rule in Malaya 1942 - 1957*. 2d ed. Singapore : Heinemann Asia, [1985]. [JQ716 Z1Heu / PU / PPZ]
25. Holman, Dennis. *Noone of the Ulu*. With a Foreword by Sir Gerald Templer. Singapore : Oxford University Press, 1958. [DS596.6 N6Hol / PU / PPZ]
26. Jackson, Robert. *The Malayan Emergency : The Commonwealth Wars*. London : Routledge, 1991. [DS597 Jac / RS / PPZ]
- Menghuraikan sejarah penentangan komunis di zaman Darurat dengan melihat langkah-langkah ketenteraan yang diatur kerajaan British di Tanah Melayu dengan menggembung semua pasukan keselamatan tempatan antara tentera darat, tentera udara, polis dan pengawal kampung dengan dibantu pasukan-pasukan tentera Komanwel yang lain dari Britain, Australia dan New Zealand. Menurut Jackson, kejayaan Tentera Pembebasan Rakyat Malaya yang dianggotai 6,000 orang menentang dan berhadapan dengan 300,000 anggota keselamatan pada kemuncak zaman Darurat tidak boleh diperkecil-kecilkan. Tambahan pula, kos perbelanjaan menentang komunis adalah sebanyak 700 juta paun.
27. Khoo Kay Kim, Prof. dan Adnan Hj. Nawang, penyunting. *Darurat 1948 - 1960*. Kuala Lumpur : Muzium Angkatan Tentera, 1984. [DS597 Dar / PU / RS]
- Mengandungi beberapa makalah yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah tempatan dengan menggunakan bahan-bahan utama dan penyelidikan perpustakaan untuk memberi satu perspektif yang tepat dan saksama behubung dengan satu zaman huru -hara yang penting dalam sejarah Malaysia. Antara beberapa makalah yang menarik dalam monograf ialah ‘Gerakan komunis di Tanah Melayu sehingga tertubuhnya PKM’ oleh Prof. Khoo Kay Kim, ‘Kegiatan komunis dan kesannya ke atas hubungan kaum : Bukit Tambun dan Bukit Junun’ oleh Baharom Mansor dan Abu Bakar Majid, ‘Bulan Rakyat melawan penjahat’ oleh Sulaiman bin Haji Abdul Samad dan ‘Angkatan Tentera dan Darurat’ oleh Mej. M. A. Fawzi Basri.
28. Komer, R. W. *The Malayan Emergency in Retrospect : Organisation of a Successful Counter Insurgency Effort*. U.S. Advanced Research Projects Agency ARPA Order no. 189-1. Santa Monica, Clif. : Rand, 1972. [DS596.5 Kom / PU]
- Memberi analisa tentang langkah-langkah ketenteraan, sivil dan psikologi yang diambil kerajaan Tanah Melayu yang berjaya mengatasi pemberontakan bersenjata komunis dan dari itu pengajaran-pengajaran yang boleh diperoleh angkatan tentera Amerika Syarikat dalam usahanya yang sama menentang pemberontakan bersenjata.

29. Leary, John James, 1949 - . *The Importance of the Orang Asli in the Malaysian Emergency 1948 - 1960*. Clayton, Australia : Centre of Southeast Asian Studies, Monash University, 1989. [fDS503.4 M7 56 / PU / PPZ]

Mengkaji peranan Orang Asli dalam zaman Darurat yang telah dipergunakan PKM sebagai perisai pemberi amaran dan pembekal makanan unit-unit tertentunya manakala pasukan keselamatan pula menjadikan mereka pekerja mengangkat alat-alat berat dan bekalan makanan semasa operasi ketenteraan mereka di dalam hutan.

30. Lee Kuan Yew, 1923 - . *The Battle for Merger*. Singapore, [1961].

[JQ692 Lee / PU / PPZ]

Mengandungi dua belas ucapan Lee Kuan Yew yang ditulis untuk menjelaskan keadaan politik di Singapura dan Tanah Melayu bagi menghalang perkembangan pengaruh komunisme yang disebarluaskan PKM melalui barisan hadapan mereka supaya kebenaran dapat diperhatikan rakyat. Dalam bahagian lampiran disertakan beberapa dokumen penting yang dapat membantu memperjelaskan dan memperbetulkan tanggapan umum tentang kekejaman komunis.

31. Lim, Cheng Leng. *The Story of a Psy-warrior* : Tan Sri Dr. C. C. Too, Batu Caves, Selangor : Lim Cheng Leng, c2000. [DS597.215 T515Lim / PPZ]

32. Miers, Richard. *Shoot to Kill. With a Foreword by Francis Festing*. London : Faber and Faber, 1959. [DS597 Mie / PU / PPZ]

Menampilkkan sejarah perjuangan sebuah batalion Welsh yang dianggotai penulis sendiri dalam proses memerangi pengganas-pengganas komunis di Tanah Melayu dengan penerangan yang jelas tentang perancangan menyeluruh dan selok-belok dalam memerangi gerila-gerila komunis di hutan yang mana berakhir dengan kejayaan pada pihak kerajaan.

33. Miller, Harry, 1914 - . *Menace in Malaya*. London : G. G. Harrap, 1954. [DS596.5 Mil / PU]

34. -----. *Jungle War in Malaya : The Campaign against Communism, 1948 -60*. London : Barker, 1972. [DS596.5 Mil / RS / PU]

Membicarakan perkembangan zaman Darurat dari kaca mata seorang wartawan yang ditonjolkan secara dramatik kejayaan dan kegagalan pasukan keselamatan serta penglibatan mereka dalam operasi menentang komunis tersebut di Tanah Melayu, 1948 - 1960. Menyerlah pengorbanan anggota-anggota pasukan keselamatan yang terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan kesusahan di pedalaman hutan dan ladang getah. Namun demikian, menurut Miller, walaupun kerajaan telah berjaya menangkis pemberontakan bersenjata itu, PKM melalui saki-baki unit-unit yang tertinggal masih meneruskan perjuangan mereka yang akan menemui jalan buntu.

35. Mohd. Reduan Aslie. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993. [DS597 Mohra / PU / RS / PPZ]

Berbicara tentang pemberontakan kedua PKM di Semenanjung Tanah Melayu dan pemberontakan Parti Komunis Sarawak secara menyeluruh dengan menghubungkiatkan kedua-dua peristiwa tersebut untuk memudahkan pemahaman sejarah pemberontakan komunis di Malaysia. Tidak membincangkan dengan terperinci dan mendalam tentang strategi-strategi, taktik-taktik dan cara-cara PKM dan Parti Komunis Sarawak yang digunakan melalui barisan hadapan mereka iaitu Barisan Tentera, Barisan Bawah Tanah dan Barisan Bersatu.

36. Moran, Jack William Grace. *The Camp across the River : Further Recollections of an Officer in the Malayan Police Force*. London : P. Davies, 1961.[DS595.6 M82 / PU]
Menceritakan pengalaman yang dilalui penulis dan pegawai-pegawai bawahannya yang berkhidmat dalam Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu pada zaman Darurat dan riwayat hidup seseorang komunis sehingga mautnya serta keadaan-keadaan yang mencemaskan yang dialami oleh pasukan keselamatan dalam serangan-serangan mereka yang tidak menentu di dalam hutan yang didiami pengganas-pengganas komunis.
37. Nik Anuar Nik Mahmud. *Tunku Abdul Rahman and his Role in the Baling Talks: a Documentary History*. Kuala Lumpur : Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Arkib Negara Malaysia, 1998. [DS597.15 A22Nikanm / PPZ / PU]
Menghuraikan peranan yang dimainkan Tunku Abdul Rahman Putra dalam Rundingan Baling bagi menamatkan zaman Darurat dan mengandungi pelbagai dokumen penting berhubung dengan Rundingan Baling.
38. Noone, Richard, and Pat Noone. *Rape of the Dream People*. London : Hutchinson, 1972. [DS592.2 S3Noo / PU]
39. O'Ballance, Edgar. *Malaya : The Communist Insurgent War, 1948 - 1960*. London : Faber and Faber, 1966. [DS596.5 Oba / PU]
Menjelaskan mengapa PKM gagal dalam usahanya merampas kuasa dan mengambilalih tampuk kerajaan di Tanah Melayu dengan menghuraikan secara terperinci latar belakang sejarah dan rakyat tanah air sebelumnya, nasib malang Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) atau Tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu yang kemudian dikenali Malayan Races Liberation Army atau Tentera Pembebasan Rakyat Tanah Melayu dan peristiwa-peristiwa selepas perang yang relevan. Faktor utama kegagalan PKM ialah keberkesanan pasukan keselamatan kerajaan melumpuhkan PKM, pembelotan anggota-anggota PKM yang menyerah diri dan langkah-langkah kerajaan lain yang berjaya membendung PKM.
40. Oldfield, John Briton, Major,. *The Green Howards in Malaya, 1949 – 1952 : The Story of a Post-war Tour of Duty by a Battalion of the Line*. Aldershot : Gale and Polden Ltd., 1953. [DS596.5 Old / PU]
